

JPN sedia kenal pasti pengundi tukar kawasan

5 NOV 2012

KUALA LUMPUR 4

Nov. — Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) tidak mempunyai masalah untuk bekerjasama dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi mengesan dan mengenal pasti pengundi-pengundi yang ditukarkan ke kawasan lain.

Ketua Pengarah JPN, Datuk Azizan Ayob menegaskan, pihaknya memang mempunyai kemudahan lengkap untuk berbuat demikian.

Bagaimanapun katanya, JPN hanya boleh menyemak status pengundi di kawasan berkenaan berdasarkan perolehan alamat terakhir seperti yang tertera pada kad pengenalan dan direkodkan pada pangkalan data.

“Kita tidak mempunyai masalah untuk melaksanakan perkara ini dan bersedia menjalankan tanggungjawab ini bersama-sama SPR,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Permintaan

Azizan diminta mengulas laporan akhbar hari ini mengenai permintaan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya JPN membantu SPR mengenal pasti 2.8 juta pengundi yang ditukarkan ke kawasan yang tidak kena mengena dengan mereka.

Abdullah berkata, JPN dilengkapi dengan kemudahan lengkap seperti sistem berkomputer yang dapat membantu SPR mengesan status dan tempat terakhir mereka mengundi.

Beliau berkata demikian sebagai merujuk kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kelmarin yang menyebut terdapat kira-kira 2.8 juta pengundi didaftarkan di luar kawasan mereka tinggal.

Menurut Azizan, pihaknya juga akan mengadakan perbincangan lanjut mengenai strategi pelaksanaan dengan SPR untuk mencapai matlamat tersebut sekiranya mendapat arahan daripada pihak berkenaan.

“Memang kita kena berbincang tentang cara untuk mengesan termasuklah data-data dan sistem yang diperlukan oleh pihak SPR,” katanya.